RHB BANK BHD

lwn.

GLOBEPLEX (M) SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL HAMID EMBONG H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-262-1998]
11 NOVEMBER 2002

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman terus - Kemudahan kredit diberikan oleh plaintif - Kegagalan defendan untuk membuat pembayaran semula - Sama ada permohonan untuk penghakiman terus dibenarkan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A 14 - Sama ada terdapat isu bermerit yang patut dibicarakan*

Plaintif/perayu telah menandatangani suatu perjanjian dengan defendan/responden pertama untuk memberikan kemudahan kredit kepadanya bertujuan membiayai pembelian saham saham biasa dalam syarikat Sri Maju Express Holdings Sdn Bhd ('Sri Maju'). Defendan/responden kedua dan ketiga sebagai pengarah-pengarah defendan pertama telah memberi jaminan secara bersesama dan berasingan bagi pembayaran balik amaun yang terhutang. Sebagaimana yang dikehendaki dalam terma perjanjian, defenden pertama telah mendepositkan 268,800 saham biasa Sri Maju kepada plaintif sebagai sekuriti pinjaman melalui memorandum deposit. Sehubungan dengan pendepositan ini, RHB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. secara tersirat adalah pemegang amanah bagi jumlah saham-saham yang didepositkan.

Bilamana pihak defendan gagal membuat pembayaran semula jumlah terhutang, plaintif telah memulakan tindakan terhadap mereka untuk mendapatkan semula amaun berkenaan. Manakala penghakiman ingkar kehadiran telah dimasukkan terhadap defendan pertama dan ketiga, akan tetapi timbalan pendaftar telah menolak permohonan plaintif untuk mendapatkan penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terhadap defendan kedua yang telah memfailkan memorandum kehadiran dan penyata pembelaannya. Ini merupakan rayuan plaintif terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan:

[1] Fakta menunjukkan bahawa Sri Maju hanyalah sebuah syarikat pemegang yang bergantung kepada anak-anak syarikat yang memegang lesen-lesen dalam menjalankan aktiviti perniagaan bas penumpang. Dengan ketiadaan anak-anak syarikat ini, Sri Maju tidak mempunyai sebarang nilai. Maka, tentunya plaintif sebagai pemegang amanah saham terbesar Sri Maju tidak dapat menafikan pengetahuan mengenai ketiadaan anak-anak syarikat Sri

Maju. Plaintif mempunyai tanggungjawab bertindak secara berhati-hati dan tidak memprejudiskan kedudukan defendan kedua, terutamanya dalam keadaan di mana plaintif sendiri telah memberi tawaran kepadanya untuk membeli saham-saham Sri Maju. (ms 375 a-b & 376 a-b)

[2] Dengan ketiadaan anak-anak syarikat ini yang mempunyai kesan yang penting terhadap nilai Sri Maju, maka kegagalan plaintif untuk menjelaskan kehilangan anak-anak syarikat tersebut menimbulkan satu isu yang patut dibicarakan. Oleh itu, defendan kedua patut diberi peluang untuk menyoal saksi-saksi berhubung dengan isu tersebut. (ms 376 c-d)

[Rayuan ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Malayan Insurance (M) Sdn Bhd v. Asia Hotel Sdn Bhd [1987] 1 CLJ 246; [1987] CLJ (Rep) 182 SC ***(dirujuk)***

Sabah Finance Bhd v. UMW (East Malaysia) Sdn Bhd [1991] 2 CLJ 1013; [1991] 3 CLJ (Rep) 692 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 14

Bagi pihak perayu/plaintif - K Maniam; T/n Skrine
Bagi pihak responden/defendan - M Menon; T/n Jaffar & Menon

Dilaporkan oleh M Maheswaran

PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Embong H:

Permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap Phung Kim Choy (D2) bagi jumlah tuntutan sebanyak RM10,202,766.96 setakat 20 Mac 1998 dan RM437,077.72 sebagai faedah terakru setakat 20 Mac 1998 serta faedah keatasnya telah ditolak oleh timbalan pendaftar. Plaintif mengemukakan rayuan kerana tidak berpuashati dengan keputusan tersebut. Pada 1 Ogos 2002 saya menolak rayuan plaintif ini dengan kos.

Berdasar surat tawaran bertarikh 7 Jun 1994 dan perjanjian yang ditandatangani pada 12 Julai 1994, plaintif bersetuju memberi kemudahan kredit kepada Globeplex (M) Sdn. Bhd. (D1) untuk jumlah prinsipal sebanyak RM22,358,000 dalam bentuk Surat Gerenti/Pinjaman Berjangka I sebanyak RM17,010,000 bertujuan membiayai pembelian 70% atau 268,800 saham biasa dalam syarikat Sri Maju Express Holding Bhd (selepas ini dirujuk sebagai SMEH) dan Pinjaman Berjangka II sebanyak RM5,348,000 bagi membiayai langganan keatas terbitan hak 4,211,100 saham biasa dalam SMEH yang diterbitkan pada harga RM1.27 sesaham.

Kemudahan pinjaman ini dijamin secara memorandum deposit oleh D1 manakala D2 dan D3 sebagai pengarah-pengarah kepada D1 turut bersetuju memberi jaminan secara bersesama dan berasingan bagi pembayaran balik semua amaun terhutang setakat jumlah prinsipal yang diberi berdasarkan surat jaminan bertarikh 12 Julai 1998.

Pada 7 November 1994 plaintif telah melepaskan wang berjumlah RM17,010,000 dan setakat 20 Mac 1998 amaun yang kena dibayar oleh D1 adalah sebanyak RM10,639,844.68 berserta faedah sebanyak RM437,077.72. Tuntutan bagi jumlah ini telah dikemukakan kepada semua defendan tetapi tidak dihiraukan. Sehingga kini jumlah tersebut masih belum dibayar.

Dalam tindakan ini hanya D2 menfailkan memorandum kehadiran dan penyata pembelaan. Manakala penghakiman ingkar kehadiran telah dimasukkan terhadap D1 dan D3 masing-masing bertarikh 3 September 1998 dan 17 Mac 1999. Tuntutan terhadap D2 adalah berdasarkan surat jaminan yang telah ditandatangani olehnya.

Permohonan plaintif untuk mendapatkan penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 sangat sesuai diberikan dalam kes-kes yang jelas dan tiada pembelaan *bona fide* dapat ditimbulkan. Mahkamah Agung dalam kes *Malayan Insurance (M) Sdn. Bhd. v. Asia Hotel Sdn. Bhd.* [1987] 1 CLJ 246; [1987] CLJ (Rep) 182 memutuskan:

> The underlying philosophy in the O. 14 provision is to prevent a plaintiff clearly entitled to the money from being delayed his judgment where there is no fairly arguable defence to the claim. The provision should only be applied to cases where there is no reasonable doubt that the plaintiff is entitled to judgment.

Berpegang kepada prinsip di atas maka persoalan yang perlu saya putuskan di sini ialah samada D2 berdasarkan pernyataan afidavit-afidavit yang difailkan berjaya menimbulkan isu bermerit yang patut dibicarakan.

Sebagaimana yang dikehendaki dalam terma perjanjian, pada 12 Julai 1994 D1 telah mendepositkan 268,800 saham biasa SMEH kepada plaintif sebagai sekuriti pinjaman melalui memorandum deposit. Sehubungan dengan pendepositan ini, RHB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. secara tersirat adalah pemegang amanah bagi jumlah saham-saham yang didepositkan.

Memorandum ini juga turut merujuk kepada perjanjian jual beli saham bertarikh 11 Disember 1993 yang ditandatangani oleh D1 dan penjual-penjual saham SMEH. Klausa 11 perjanjian jual beli ini memberi kuasa kepada pemegang-pemegang saham menjual saham anak-anak syarikat SMEH.

Berdasarkan faktor ini, isu yang ditimbulkan adalah samada plaintif sebagai pemegang amanah telah menjalankan tugasnya dengan berhati-hati dalam menjaga sekuriti yang dicagarkan. Adalah menjadi fakta yang tidak dinafikan bahawa SMEH hanyalah sebuah syarikat pemegang yang bergantung kepada anak-anak syarikat yang memegang lesen-lesen dalam menjalankan aktiviti perniagaan bas penumpang. Pendapatan dan keuntungan SMEH sebenarnya berletak kepada anak-anak syarikat ini. Setakat 11 Disember 1993 terdapat 11 buah anak syarikat dan pembelian saham SMEH oleh D1 adalah merangkumi kesemua anak-anak syarikat ini. Tanpa anak-anak syarikat ini SMEH tidak mempunyai sebarang nilai.

Apabila D1 telah digulungkan pada 24 September 1998 oleh mahkamah, satu tawaran penyelesaian telah dikemukakan kepada D2 untuk membeli saham-saham SMEH pada harga RM10.5 juta bagi mengurangkan kerugian yang dituntut. Walaupun D2 secara sendiri tidak berkemampuan tetapi beliau telah berjaya mendapatkan pihak ketiga yang berminat untuk membeli saham-saham SMEH dan dipersetujui oleh plaintif. Langkah-langkah untuk melaksanakan pembelian ini telah dilakukan dengan pembayaran 10% dari harga yang ditawarkan. Malangnya cadangan bagi pembelian ini telah ditarik balik disaat-saat akhir apabila pihak Authentic Alliance Sdn. Bhd. mendapati SMEH tidak lagi mempunyai nilai setelah ketiadaan anak-anak syarikatnya.

Plaintif menafikan sebarang tanggungan dan kecuaian atas kehilangan anak-anak syarikat SMEH dan berhujah bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kewajipan berjaga-jaga kepada D2 berkenaan sekuriti-sekuriti dengan merujuk kepada kl. 7 dan kl. 8 surat jaminan yang memperuntukkan:

> Kl. 7. The bank may at all times without prejudice to his guarantee and without discharging or in any way affecting our liability hereunder and without notice to any of us:
>
> ...
>
> (5) deal with exchange release modify or abstain from perfecting or enforcing any securities or other guarantee rights which the Bank may now or hereafter have from or against the customer or any other person;
>
> ...
>
> Kl. 8 The liability of any of us hereunder shall not be affected by any failure by the Bank to take any security or by any invalidity of any security taken or by any existing or future agreement by the Bank as to the application of any advances made or to be made to the customer.

Sebagai pemegang amanah saham terbesar SMEH (70%) tentunya sukar untuk plaintif menafikan sebarang penglibatan dan pengetahuan tentang pindahmilik dan kehilangan anak-anak syarikat SMEH. Walaupun kl. 7 dan 8 diatas memberi hak kepada plaintif untuk berurusan dengan sekuriti-sekuriti tersebut tetapi sebagai pemegang amanah, saya percaya plaintif tidak terlepas dari tanggungjawab untuk bertindak secara berhati-hati dan tidak memprejudiskan kedudukan D2 terutamanya dalam keadaan dimana plaintif sendiri telah memberi tawaran kepada D2 untuk membeli saham-saham SMEH.

Dengan adanya opsyen ini tentunya kewujudan anak-anak syarikat amat penting dalam menentukan nilai SMEH terutamanya kepada D2 untuk menebus saham-saham SMEH yang dicagarkan kepada plaintif. Kegagalan plaintif menjelaskan kehilangan anak-anak syarikat ini menimbulkan satu isu yang patut dibicarakan. D2 patut diberi peluang untuk menyoal saksi-saksi berhubung dengan isu ini. Sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Sabah Finance Berhad v. UMW (East Malaysia) Sdn. Bhd.* [1991] 2 CLJ 1013; [1991] 3 CLJ (Rep) 692 mahkamah tidak sepatutnya membiarkan plaintif mengamalkan sikap 'lackadaisical or couldn't care-less attitude'.

Kesimpulannya saya memutuskan D2 telah berjaya menimbulkan satu isu bermerit untuk dibicarakan dan rayuan plaintif untuk memperoleh penghakiman terus ditolak dengan kos.